

'Kebebasan kehakiman sentiasa dihormati' kata Dr. M

BIDANG kehakiman di negara ini bebas menghakimi sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang tanpa sebarang keraguan atau pilih kasih, sejajar dengan Perlembagaan dan undang-undang negara, demikian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, Kerajaan sentiasa menghormati kebebasan tersebut dan tidak mengharapkan mahkamah sentiasa menyokong atau menentang Kerajaan, sebaliknya hendaklah menyokong sepenuhnya Perlembagaan dan undang-undang.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan selalu mengambil kira Perlembagaan dan undang-undang negara sebelum mengambil sesuatu tindakan.

"Kita mestilah menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah, bagaimanapun hak membuat undang-undang mestilah oleh badan pembuat undang-undang," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Persatuan Undang-undang ASEAN (ALA) ketiga.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri akan memastikan keperluan bidang kehakiman seperti tenaga kerja dan kemudahan fizikal dipenuhi bagi membolehkannya menadbir keadilan dengan segera dan berkesan.

Selanjutnya, beliau memberitahu, Kerajaan akan menjalankan tugasnya dengan selia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan di samping menghormati hak-hak yang dijamin olehnya untuk pelbagai komponen Persekutuan, pihak minor-

iti, warga negara dan dalam setengah kes, bukan warga negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir jua mengingatkan tidak seorang pun yang tidak boleh disentuh oleh undang-undang walaupun mereka yang berkuasa. Sebaliknya mereka yang memegang kuasa adalah penaja amauah dan bertanggungjawab mereka ialah membuat kebalikan kepada orang ramai, bukan kepentingan sendiri.

(Dipetik dari Berita Harian Oktober 27, 1982 di bawah kepala besar, "KE-BEBASAN HAKIM; IKRAR PM")

Komen Penulis:

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah menjelaskan maksudnya sendiri, maka tidaklah perlu bagi penulis membuat apa jua komen mengenainya. Dalam pada itu, ucapan Perdana Menteri mengenai Mahkamah itu telah membawa ingatan penulis kepada subjek "Hakim", seperti yang disuarakan oleh seorang tokoh politik di India, yang jua disatu ketika dahulu berkhidmat sebagai Hakim Supreme Court. Tokoh itu ialah Naib Presiden India, Mohammed Hidayatullah.

Naib Presiden India itu dilaporkan oleh sebuah akhbar luar negeri tidak lama dahulu sebagai berkata di ketika berucap dalam sebuah majlis untuk merakainya: "A judge keeps his mind open and his mouth shut while a politician keeps his mind shut and his mouth open" (Maksud: Seorang hakim membuka fikiran dan menutup mulutnya, sementara ahli politik

pula menutup fikiran dan membuka mulutnya).

Dengan tujuan mengelakkan salah faham di kalangan setengah-setengah tokoh politik yang "super-sensitif", Naib Presiden Hidayatullah menambah, beliau berharap perasaan tokoh-tokoh politik tidak akan "tersinggung", kerana katanya, beliau menyuarakan apa yang diperkatakannya itu semata-mata secara berlawak jenaka (dan dengan itu, tidaklah sepatutnya, "to be taken too seriously.")

Setiap duit syiling mempunyai dua muka..

Kadar perceraian di Amerika Syarikat didapati menurun sedikit akibat kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara di hari ini. Begitulah kata Juruecak Pusat Perancangan Kesihatan Amerika Syarikat. Juruecak

menambah bahawa kadar perceraian bagi tahun lalu yang berakhir pada Jun 1982 ialah 5.2 bagi setiap 1,000 orang laju 2 peratus kurang dari tahun sebelum itu.

"Pada fikiran saya, perceraian adalah bergerak mengikut pusingan perniagaan (business cycle)," kata Gary Becker, seorang pakar ekonomi di Universiti Chicago, yang telah membuat kajian mendalam tentang hubungan di antara ekonomi dan kelahiran, perkahwinan dan perceraian. "Kita memramalkan kadar perceraian akan menurun. Dan tahun 1983 akan mula menaik semula bila keadaan ekonomi menjadi bertambah baik."

Seorang pakar yang lain di bidang sosiologi dari Universiti Arizona, Mr. Paul Glick pula berkata, "trend" ini telah lama dikesan, iaitu, kadar perceraian adalah bergantung kepada keadaan ekonomi.

Andrew Cherlin dari Universiti John Hopkins pula berkata bahawa kadar perceraian telah menjunam di masa "Great Depression" dahulu bila kekurangan kerja dan kenaikan harga rumah telah menjadikan perceraian satu "kemewahan", yakni "luxury".

Andrew Cherlin menambah, keadaan ini bukanlah disebabkan oleh pasangan suami isteri "menjadi baik", tapi ialah kerana mereka itu tidak mampu mengeluarkan belanja untuk mendapatkan perceraian.

(Dipetik dari Malay Mail September 27, 1982 di bawah tajuk, "DROP IN DIVORCE RATE DUE TO BAD TIMES")

Komen Penulis:

Begitulah bunyi berita dari Amerika Syarikat yang menunjukkan bagaimana kemelesetan ekonomi di hari ini telah menurunkan bilangan perceraian di Amerika Syarikat — semata-mata kerana pasangan-pasangan suami isteri (yang ingin bercerai) terpaksa menanggungkan rancangan mereka — kerana tidak mampu mengeluarkan perbelanjaan, seperti, upah peguam dan sebagainya....

Berita ini adalah satu lagi bukti yang menunjukkan kebenaran mesej yang terkandung dalam peribahasa setiap duit syiling mempunyai dua muka... Maksud, sungguhpun kemerosotan ekonomi membawa akibat yang buruk kepada dunia, tapi ada pula

"kebakannya", dalam konteks ia boleh menurunkan kadar perceraian.

Lain pemimpin lain "hobi" orang yang dipimpin

"English by bicycle puts lives at risk" (Inggeris melalui basikal membahayakan nyawa), kata sebuah kepala di South China Morning Post September 23, 1982. Berita berikutnya yang berpunca dari Peking melaporan akhbar China Daily sebagai berkata bahawa minat yang keterlaluan di kalangan orang-orang China untuk mempelajari bahasa Inggeris membahayakan pengguna-pengguna jalanraya kerana semakin banyak penggunaan-penggunaan basikal di waktu kesesakan (rush hour) yang mendengar pelajaran Inggeris melalui radio-radio bimbit yang disangkutkan ke hendal basikal mereka.

Pada hari Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher tiba di Peking September lalu, "China Daily" melaporan bahawa penunggang-penunggang basikal yang mengguna setiap minit untuk mempelajari bahasa Inggeris itu patutlah sangat diberi pujian tapi, "amatlah berbahaya bagi mereka berbuat sedemikian".

Akhbar itu menambah, seorang pemuda yang menunggang basikal telah tercedera parah bila dia bertempur dengan sebuah bas yang datang darihadapannya ketika pemuda berkenaan asyik mendengar pelajaran Inggeris melalui radionya sambil mengayuh basikalnya.

Semenjak negeri China membuka pintunya ke Barat dalam pertengahan tahun-tahun 70an, kegunaan bahasa Inggeris di kalangan orang-orang China telah menjadi begitu popular khususnya di kalangan orang-orang muda yang mempelajari bahasa tersebut sebagai hobi. Dan bahasa Inggeris telah menggantikan bahasa Russia, yang diberi keutamaan dalam tahun 50an dahulu.

Komen Penulis:

Di zaman pemerintahan Mao Tse-tung dahulu, orang-orang China (sama ada di dalam atau di luar rumah) asyik membaca "Buku Merah", yang mengandungi falsafah dan kata-kata hikmat yang disuarakan dari masa ke semasa oleh Pengerusi Mao. Di bawah pimpinan Deng Xiaoping di hari ini pula, orang-orang China adalah "terlupa" Buku Merah dan sebagai ganti, memunculkan pula minat terhadap bahasa Inggeris.

Satu ilustrasi klasik yang menunjukkan bagaimana stail atau sikap pucuk pimpinan di satu-satu masyarakat boleh mempengaruhi cara hidup dan "hobi" rakyat yang dipimpin.

Ekor Ruangan:

Menteri Dalam Negeri Thailand, Jenderal Sitthi Jirarathe, baru-baru ini menggesa anggota-anggota polis supaya menjauhkan diri dari amalan "me'lobby" untuk mendapatkan kenaikan pangkat (promotions). (NOTA: Me'lobby" adalah berpunca dari perkataan "lobby", yang bermakna "mendapatkan pertolongan dari orang yang berpengaruh").

Perbuatan "me'lobby" tidaklah diperlukan, tambah Jenderal Sitthi, kerana pegawai-pegawai atasan mereka tentu sekali menyedari kecekapan dan kebolehan mereka, jika mereka itu benar-benar menjalankan kerja mereka dengan cekap dan jujur.

Dalam satu mesej dari Menteri berkenaan pada Hari Polis (Police Day), Jenderal Sitthi berikrar untuk melindungi anggota-anggota polis yang baik dan akan menyingkirkan mereka dari golongan yang tidak baik ("the bad ones") kerana katanya, "adalah lebih baik menghapuskan seseorang yang tidak baik daripada membiarkan 100 orang lain tercemar oleh perbuatan seseorang yang tidak baik itu".

(Dipetik dari Bangkok Post Oktober 14, 1982 di bawah tajuk, "Sitthi: Good police need not lobby").

Catitan Khas:

Logik sekali gesaan Jenderal Sitthi itu, kerana amalan "me'lobby" jika diabaikan akan membawa "kegembiraan dan kemakmuran" kepada anggota-anggota pasukan yang tidak jujur dan tidak berprestasi ("lobby" dan "kefrustrasian dan penderitaan" kepada mereka yang jujur, berdisiplin dan cekap, tapi tidak suka "me'lobby"....
